

07 AUG 1997

Mahathir-KLIA

KELEWATAN OPERASI KLIA TIDAK KRITIKAL, KATA PM

Oleh: Ruhil Amani Zainal Abidin

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kelewatan pembukaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Sepang untuk operasi komersil "tidak kritikal" kerana jadual baru pembukaannya masih dalam suku pertama tahun depan.

Perdana Menteri berkata ia dianggap masih belum terlalu lewat kerana Sukan Komanwel 1998 akan hanya berlangsung pada September.

Projek bernilai RM9 bilion itu pada asalnya dijadual dibuka pada 1 Jan, sebelum sukan itu bermula. Sukan itu akan berlangsung dari 11 Sept sehingga 21 Sept.

"Saya berpendapat ianya tidaklah kritikal. Ia akan dibuka dalam tempoh suku pertama tahun depan. Malahan, kita tidak lewat kerana Sukan Komanwel berlangsung dalam suku ketiga," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan sebuah syarikat di sini hari ini.

Selasa lepas, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata kelewatan itu bagi membolehkan semuanya berjalan lancar sebelum lapangan terbang itu digunakan.

Dr Mahathir berkata beliau akan melawat tapak KLIA pada 15 Ogos ini untuk meninjau perkembangan projek itu.

Pada majlis itu, Dr Mahathir menyaksikan upacara menandatangani perjanjian kerjasama antara syarikat InterAsia Fairs and Exhibitions Sdn Bhd dan Hannover Fairs Asia Pte Ltd untuk menganjur tiga pameran antarabangsa di Malaysia.

Pengerusi InterAsia Fairs and Exhibitions Senator Datuk Ibrahim Ali manandatangani bagi pihak syarikat itu dan Senator Prof Dr Klaus Goehrmann bagi pihak Hannover Fairs Asia.

Pameran-pameran itu ialah Pameran Antarabangsa Multimedia, Teknologi Maklumat dan Telekomunikasi, Pameran Perindustrian Malaysia dan Pameran Teknologi Automotof Malaysia.-- BERNAMA

RAZ MAI